




Praktis Ekstra

Unit 1

Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

1. Nyatakan sumber moral. TP 1




2. Berdasarkan gambar di bawah, terangkan contoh-contoh norma masyarakat Malaysia. TP 3

(a)




Mengetuk pintu, memberi salam, dan membuka kasut sebelum masuk

(b)



Tidak boleh gembira dan mengucapkan takziah

(c)



Tidak boleh memotong di garisan berkembar dan tidak boleh memandu melebihi had laju yang dibenarkan

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Jelaskan hubungan sesama manusia berdasarkan sumber moral.

- (a) Hubungan antara suami dengan isteri

Suami mestilah jujur dan isteri mestilah setia demi keharmonian keluarga.

- (b) Hubungan antara bapa dengan anak

Bapa memberikan kasih sayang dan anak perlulah bertanggungjawab supaya mengeratkan hubungan.

- (c) Hubungan antara sahabat

Sahabat mestilah jujur dan mempunyai semangat bermasyarakat.

- (d) Hubungan antara saudara yang lebih tua dengan saudara muda

Saudara yang lebih tua mestilah murah hati dan saling membantu. Saudara muda pula perlulah patuh dan hormat pada saudara yang lebih tua supaya ikatan persaudaraan menjadi lebih kukuh.



Praktis Ekstra

Unit 2

**Agama atau Kepercayaan
Membentuk Keperibadian Mulia**

1. Berdasarkan pilihan jawapan yang diberi, isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. TP 1

pantang larang	membentuk	manusia
agama	bertanggungjawab	membezakannya

Keperibadian diri merupakan perihal sifat, sikap, tingkah laku dan nilai-nilai murni yang ada dalam diri seseorang itu dan dapat (a) membezakannya dengan orang lain.

Keperibadian diri juga mampu (b) membentuk individu yang memiliki nilai-nilai positif seperti (c) bertanggungjawab, bersyukur, sopan santun, berbudi bahasa, tolong-menolong, toleransi, kerjasama dan hormat-menghormati antara satu sama lain tidak mengira kaum, bangsa dan agama.

Pegangan (d) agama atau kepercayaan, adat resam, (e) pantang larang, budaya serta didikan ibu bapa juga mampu menjadikan seseorang itu memiliki ciri-ciri yang mulia, berakhlak dan mengamalkan tingkah laku yang baik sesama (f) manusia, haiwan dan ciptaan Tuhan yang lain.

2. Pembentukan keperibadian diri yang baik harus berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan. Apakah ciri-ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan? TP 1

- (a) Bertanggungjawab

(b) Bersyukur
- (c) Pemaaf


(d) Sabar
- (e) Mempunyai harga diri

(f) Bercakap benar

Tarikh:

TP 5

- (g) Yu Fong amat _____ akan haiwan peliharaannya.





Praktis Ekstra

Unit 3

Tanggungjawab Diri Terlaksana Hidup Makin Bahagia

1. Nyatakan tanggungjawab diri dalam aspek berikut. TP 1

Menjaga kesihatan diri

- (a) Bersenam.
- (b) Tidur yang mencukupi.
- (c) Mengambil makanan seimbang.
- (d) Mengambil suntikan imunisasi.




Menjaga kebersihan diri

- (a) Gosok gigi dan berkumur setiap kali selepas makan.
- (b) Pakai pakaian yang bersih.
- (c) Potong kuku tangan dan kaki yang panjang.
- (d) Mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari.

Menjaga keselamatan diri

- (a) Tidak berjalan bersendirian pada waktu malam.
- (b) Tidak bercakap dengan orang yang tidak dikenali.
- (c) Tidak mendedahkan maklumat peribadi di Internet/ media sosial.
- (d) Memakai topi keledar semasa menunggang basikal/ membonceng motosikal.

2. Terangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri. **TP 2 KBAT Mengaplikasi**



3. Berdasarkan keratan akhbar yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6

Graduan cacat penglihatan genggam ijazah pada Konvokesyen UM 2010

Tiga OKU terima ijazah sarjana

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
saiful.sahak@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Ogos – Ketekunan mengulang kaji pelajaran dan menterjemahkan bahan bacaan ke teks Braille akhirnya membuahkan hasil kepada tiga graduan cacat penglihatan apabila berjaya mengenggam ijazah sarjana pada Konvokesyen Universiti Malaysia (UM) 2010 di sini hari ini.

Mereka ialah Laxme Preyalatha, 34; Al-Azifah Mohd. Shafie, 30, dan Ahmad Sahmsuri, 28.

Laxme cacat penglihatan sejak kecil bersyukur kerana usahanya berbaloi meskipun dia terpaksa berusaha lebih gigih berbanding rakan yang normal.

Anak kedua daripada tiga beradik itu menghadiahkan kejayaannya mengenggam segulung ijazah kepada diri sendiri dan ibu tersayang.

"Ibu menjadi pendorong kepada saya sehingga berjaya memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan ini," katanya.

Dalam pada itu, Al-Azifah berkata, kejayaan bergelar graduan Sarjana Syariah menjadi penyuntik semangat untuk mendidik pelajar di sekolahnya.

Guru Sekolah Menengah Agama Muhammadiyah Pekan Sabak, Sabak Bernam itu berkata, perjuangannya belum selesai kerana berhasrat menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah.

Sementara itu, Ahmad berkata, kecacatan sejak lahir bukan penghalang untuk dia mencapai kejayaan dan memiliki Ijazah Sarjana Kaunseling.

"Walaupun perlu mengambil masa untuk menyesuaikan diri pada peringkat awal pengajian, ia tidak menjadi masalah besar buat saya."

"Bantuan daripada pensyarah, rakan-rakan sekuliah serta universiti ini memudahkan proses pembelajaran sepanjang pengajian ini," katanya.

Sementara itu, kegembiraan turut dikongsi pasangan kembar, K. Shamini Devi, 32, dan adiknya Shantini Devi yang juga berjaya menamatkan pengajian sarjana dalam bidang kaunseling.



TIGA rakan cacat penglihatan (dari kiri) Al Azifah Mohd. Shafie, Ahmad Shamsuri Muhamad serta N. Laxme Preyalatha, berkongsi kegembiraan bersama dua beradik kembar yang normal K. Shamini Devi (dua kiri) dan K. Shantini Devi setelah menerima sarjana masing-masing pada konvokesyen Universiti Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

- (a) Terangkan perasaan anda jika dapat melaksanakan tanggungjawab diri seperti gambar di atas.

Gembira dan bangga kerana kecacatan bukan penghalang kejayaan.

- (b) Senaraikan **dua** perkara yang perlu diberikan perhatian untuk berjaya dalam pendidikan. **KBAT** Menilai

(i) Memberikan perhatian penuh semasa guru mengajar di dalam kelas.

(ii) Tekun dalam menyiapkan tugas dan projek yang diberikan oleh guru.



Praktis Ekstra

Unit 4

Tanggungjawab Diri Membentuk Keluarga Bahagia

1. Jelaskan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga oleh seorang anak. TP 2

KBAT Mengaplikasi



Sebuah keluarga yang lengkap terdiri daripada ibu, bapa, anak, datuk dan nenek. Setiap orang mempunyai tanggungjawab yang perlu dijalankan bagi membentuk keluarga bahagia.

Tanggungjawab terhadap ibu bapa

Mentaati nasihat dan teguran ibu bapa

Tanggungjawab terhadap adik-beradik

Bersikap tolak ansur terhadap adik-beradik

Tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga

Tanggungjawab terhadap datuk dan nenek


Menghormati datuk dan nenek

Tanggungjawab terhadap ibu saudara atau bapa saudara

Berbincang jika ada masalah

2. Jelaskan kepentingan menjalankan tanggungjawab diri dalam keluarga. **TP 2 KBAT Menilai**

i-THINK Peta Buih





Praktis Ekstra

Unit 5

Adab Dijaga, Persahabatan Terbela

1. (a) Padankan adab dalam persahabatan dengan betul. TP 1



Siapa itu sahabat? Sahabat ialah kawan atau teman di sekeliling kita. Apakah adab yang perlu dijaga dalam persahabatan?

Seorang kawan/sahabat tidak boleh

Seorang kawan/sahabat boleh

Menolong rakannya berbincang untuk menyiapkan kerja sekolah

Meniru kerja sekolah rakannya

Membantu rakan untuk menyiapkan projek sains

Bercakap bohong dengan rakannya

Menggunakan kata sapaan yang baik

Memaki hamun rakan dengan kata-kata yang kesat

Tidak membuli dan memukul rakan

Menuduh rakannya mencuri duit

Menjaga tutur kata dengan sopan

Membuli rakannya yang lemah

(b) Berdasarkan adab dengan sahabat di atas, senaraikan adab dalam persahabatan yang anda faham.

- (i) Membantu sahabat lain ketika susah

(ii) Menjaga aib sahabat

(iii) Bersikap lemah lembut terhadap sahabat

(iv) Terima jawapan murid yang sesuai


Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Berdasarkan kepentingan persahabatan yang diberi, jelaskan contoh-contoh adab dalam persahabatan.

TP 2



Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Berdasarkan situasi yang diberi, tandakan (✓) pada perlakuan beradab dan (X) pada perlakuan tidak beradab dalam persahabatan. **TP 3 KBAT Menilai**

	Situasi	(✓) / (X)
(a)	Muthu memaki hamun Henry kerana menyembunyikan kasutnya di dalam laci meja guru.	X
(b)	Salina sering menggunakan kata panggilan yang menjijikkan seperti gemuk dan kering terhadap rakan-rakannya.	X
(c)	Lim Chai Leng membantu rakannya berjalan akibat terjatuh dari motosikal semalam.	✓
(d)	Tania mendengar masalah dan mengajar Suh Kiaw untuk menyelesaikan kerja sekolah Matematik Tambahannya.	✓
(e)	Saranya mencuri duit Logambikai semasa waktu rehat dan tidak mengaku apabila ditangkap oleh guru disiplin.	X
(f)	Malek memuji apabila Afiq menceritakan kebaikan yang dilakukan oleh Ramdhani semasa di sekolah.	✓
(g)	Zaiman mengutuk dan mencaci rakannya yang gagal dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.	X
(h)	Leong berterima kasih atas pertolongan dan kebaikan yang diberikan oleh Zaiman semasa dia mengalami kemalangan.	✓




Praktis Ekstra

Unit 6

Jiran Sepakat Membawa Berkat

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan manfaat hidup berjiran. TP 2

i-THINK Peta Buih



2. Berdasarkan pernyataan di bawah, tandakan (✓) untuk sikap jiran yang positif dan tandakan (X) untuk sikap jiran yang negatif. **TP 3 KBAT Menilai**


Sikap Jiran	(✓) / (X)
(a) Membantu jiran semasa jiran mengalami kesusahan.	✓
(b) Membuang sampah ke dalam tong sampah jiran.	X
(c) Melepaskan anjing sehingga menggigit jiran.	X
(d) Menziarahi jiran yang sedang sakit.	✓
(e) Mengumpat jiran tentang sikap suka mabuk.	X
(f) Menghantar makanan ke rumah jiran.	✓
(g) Tidak mengunjungi rumah jiran semasa sambutan hari perayaan di rumah jiran.	X
(h) Menumpangkan jiran ke sekolah.	✓
(i) Membuka radio dengan kuat sehingga mengganggu jiran.	X
(j) Membantu jiran membaiki basikal yang rosak.	✓
(k) Mencuri kasut dari rumah jiran.	X
(l) Tidak menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan.	X

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Berdasarkan gambar yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6



(a) Apakah perasaan anda apabila mempunyai jiran seperti gambar di atas?

Gembira

(b) Apakah perasaan anda jika jiran anda sombong dan tidak bertegur sapa dengan anda? Mengapa?

KBAT Menilai

Tidak gembira kerana tidak boleh meminta pertolongan semasa kecemasan

(c) Jiran anda yang beragama Hindu menjemput anda untuk menyambut rumah terbuka. Nyatakan tindakan anda. KBAT Menganalisis

Menerima jemputan dan menghadiri majlis dengan berpakaian sopan dan sesuai

(d) Nyatakan **dua** tindakan yang boleh diambil terhadap jiran anda yang suka membuka radio dengan bunyi yang kuat pada waktu malam sehingga mengganggu anda sekeluarga untuk tidur.

KBAT Mengaplikasi

(i) Memberikan nasihat kepada jiran tersebut

(ii) Melaporkan kes ini kepada pihak polis kerana mengganggu ketenteraman awam




Praktis Ekstra

Unit 7

Masyarakat Penyayang Tonggak Aspirasi Negara

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan kepentingan memperkukuh masyarakat penyayang. TP 2

i-THINK Peta Buih



Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. TP 4

bahagia	sumbangan	penyayang	kempen	dihargai
membantu	prihatin	tersisih	simpati	berganding bahu
membimbing	melahirkan	tanggungjawab	perubahan	mengambil berat

- (a) Sebagai rakyat Malaysia yang penyayang, kita haruslah menunjukkan perasaan simpati dan prihatin terhadap golongan yang hidup dalam serba kekurangan seperti golongan kurang upaya.
- (b) Mereka tidak akan berasa tersisih oleh masyarakat bahkan mereka akan berasa lebih dihargai. Misalnya, kita membantu golongan kurang upaya dengan memberikan sumbangan dari segi kewangan, tempat tinggal atau pendidikan.
- (c) Keluarga bahagia juga dapat membentuk masyarakat penyayang. Hal ini disebabkan sikap anggota keluarga yang saling mengambil berat antara satu sama lain.
- (d) Pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dengan menganjurkan kempen Masyarakat Penyayang di tempat-tempat yang sesuai agar ramai yang menyertai kempen tersebut.
- (e) Kita bersama-sama membimbing golongan masyarakat yang sememangnya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menerajui pemerintahan negara, menjadi tenaga untuk memajukan negara dan menjaga kedaulatan negara.
- (f) Golongan masyarakat akan memandang serius segala perubahan yang berlaku dalam usaha melahirkan masyarakat penyayang. Hal ini bertepatan dengan peribahasa “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”.
- (g) Semua pihak haruslah berganding bahu bagi melahirkan masyarakat penyayang agar Wawasan 1Malaysia dapat direalisasikan seperti yang dijanjikan.

3. Berdasarkan gambar di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6



(a) Apakah perasaan anda apabila melihat gambar di atas? Jelaskan.

Gembira kerana golongan OKU dan masyarakat yang berkeperluan mendapat bantuan dan pembelaan yang sewajarnya daripada badan yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan.

(b) Senaraikan ciri-ciri masyarakat penyayang.

- (i) Saling menolong antara satu sama lain
- (ii) Berbincang untuk menyelesaikan masalah
- (iii) Hidup aman dalam negara yang berbilang kaum
- (iv) Mengadakan rumah terbuka dan berkongsi raya

(c) Bagaimanakah kita dapat mempraktikkan amalan masyarakat penyayang dalam konteks kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa? **KBAT** Mengaplikasi

- (i) Menghadiri majlis rumah terbuka yang dianjurkan oleh pelbagai pihak/ jiran
- (ii) Tidak menghina cara beribadat kaum lain
- (iii) Memahami adat resam kaum lain dan berbincang jika ada masalah



Praktis Ekstra

Unit 8

Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan contoh agensi perkhidmatan awam yang terdapat di negara kita. TP 1



Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Nyatakan kepentingan agensi perkhidmatan awam di bawah kepada masyarakat. TP 2

(a)



- Menjaga keamanan dalam negara

- Menangkap mereka yang melakukan kesalahan dan jenayah

(b)



- Mengawal/ Memadam kebakaran dan menyelamatkan nyawa

- Melaksanakan khidmat kemanusiaan semasa berlaku sebarang bencana

(c)



- Memberi rawatan kepada rakyat

- Menawarkan perkhidmatan bersalin

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Berdasarkan foto yang diberi, jelaskan peranan agensi perkhidmatan awam dalam membantu masyarakat hidup lebih baik. TP 4

(a)



- Menjaga keamanan negara
- Membantu dan bekerjasama dengan pihak berkuasa awam semasa bencana atau kecemasan

(b)



- Mendidik anak-anak menjadi masyarakat yang berguna
- Membentuk pemimpin masa hadapan

(c)




- Membantu menjaga keselamatan awam
- Memberikan bantuan kecemasan yang meliputi pencegahan penyakit dan binatang berbisa



Praktis Ekstra Unit 9 Hargai Alam Warisan Kita

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar. TP 2

i-THINK Peta Buih



2. Apakah kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar?

(a) Jumlah oksigen berkurang


(b) Habitat flora dan fauna musnah

(c) Ketidakseimbangan ekosistem

(d) Kepupusan flora dan fauna

(e) Hakisan tanah

3. Terangkan langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar. **TP 2**





Praktis Ekstra

Unit 10

Gaya Hidup Sihat dan Selamat Menjamin Keharmonian Bersama

1. Bagaimanakah anda mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat? TP 1

(a) Melakukan aktiviti riadah bersama-sama keluarga

(b) Melakukan pemeriksaan kesihatan setahun sekali

(c) Sentiasa berfikiran positif

(d) Tidak meninggalkan amalan ibadat

(e) Membaca buku-buku motivasi

(f) Sentiasa mendengar nasihat ibu bapa / orang yang lebih tua


(g) Mengamalkan pemakanan seimbang

(h) Mempelajari seni pertahanan diri

(i) Bergotong-royong menjaga kebersihan tempat tinggal

(j) Bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari

2. Terangkan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat dari aspek sosial, mental, dan fizikal. TP 2






Praktis Ekstra

Unit 11

Adab di Tempat Awam Dijaga,
Nikmat Hidup Dirasai Bersama

1. Tandakan (✓) pada gambar yang menunjukkan tempat awam dan (X) pada gambar bukan tempat awam.

TP 1



Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Terangkan cara anda beradab di tempat-tempat awam yang berikut. TP 2

(a)



- Tidak memandu secara berbahaya
- Mematuhi had laju yang dibenarkan

(b)

- Tidak membunyikan hon apabila melalui kawasan ini
- Tidak membuat bising di dalam hospital



(c)



- Tidak meninggikan suara terhadap orang tua
- Membantu mereka berjalan

(d)

- Menghormati orang yang sedang bersembahyang
- Mematuhi peraturan



Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Mengapakah kita perlu beradab di tempat awam? **TP 3 KBAT Menilai**



(a) Memupuk silaturahim dalam kalangan pengunjung

(b) Melahirkan masyarakat yang mencintai alam sekitar



(c) Mengurangkan kos penyelenggaraan tempat tersebut

(d) Menjaga kebersihan tempat tersebut




Terima jawapan murid yang sesuai




Praktis Ekstra Unit 12

Etika dan Undang-undang Siber Membantu Pembentukan Jati Diri

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan contoh alam siber. **TP 1**



2. Terangkan etika dan undang-undang siber. **TP 2**




Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Jelaskan kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber. TP 3 KBAT Menilai





Praktis Ekstra Unit 13 Keselamatan di Jalan Raya Tanggungjawab Bersama

1. Berdasarkan gambar yang diberi, jelaskan kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

TP 3 KBAT Menilai

(a)



Mengelakkan berlakunya kemalangan
akibat jalan yang berbelok atau
kawasan kampung

(b)



Mengelakkan kemalangan

(c)



Menjamin keselamatan pemandu dan
penumpang jika berlaku kemalangan

(d)



Tidak mengganggu orang lain,
terutamanya pesakit

2. Jelaskan peranan pihak berikut untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya. TP 4

Pihak	Peranan
(a) Diri sendiri	- Melihat kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas jalan raya - Menggunakan jejantas apabila melintas jalan raya
(b) Ibu bapa	- Menjadi contoh pemandu yang baik di jalan raya - Mendidik anak-anak tentang peraturan dan undang-undang jalan raya
(c) Sekolah	- Mengajarkan peraturan keselamatan jalan raya kepada murid - Menubuhkan Kelab Keselamatan Jalan Raya
(d) Polis trafik	- Mengeluarkan saman kepada pengguna yang melanggar undang-undang jalan raya - Mengawal lalu lintas
(e) Jabatan Pengangkutan Jalan Raya	- Menguatkuasakan dan mentadbir undang-undang jalan raya - Mengadakan kempen kesedaran di seluruh negara



Praktis Ekstra Unit 14 Menangani Konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti

1. Senaraikan ciri-ciri individu yang mengalami konflik dan tidak mengalami konflik identiti diri. TP1

Ciri individu yang mengalami konflik	Ciri individu yang tidak mengalami konflik
(a) Tidak suka dikongkong	(a) Pandai mengurus stres
(b) Tidak suka mendengar nasihat	(b) Bercita-cita tinggi
(c) Selalu tertekan	(c) Mempunyai wawasan
(d) Mahukan kebebasan	(d) Optimis

2. Senaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja.

- (a) Perasaan ingin mencuba atau ingin tahu yang tinggi dalam diri
- (b) Selalu berasa tertekan
- (c) Kurang penghayatan agama dan nilai-nilai murni
- (d) Tidak mempunyai jati diri yang kuat
- (e) Pengaruh rakan sebaya
- (f) Pengaruh media massa

3. Berdasarkan tajuk laporan berita yang diberi, cadangkan cara mengatasi konflik identiti diri yang dihadapi oleh golongan remaja. TP3

(a)

**Anak gadis hilang
ikut teman lelaki**

**Gantung diri
putus cinta**

Para remaja harus berbincang secara baik dengan ibu bapa. Jalinan komunikasi yang tinggi antara remaja dengan ibu bapa sangat penting. Ibu bapa harus menjadi pendengar yang baik dan memberikan jalan penyelesaian dengan sabar.

(b)

**Pelajar parah
diseterika rakan**

DIBELASAH 18 RAKAN

Remaja trauma untuk kembali ke sekolah

Ibu bapa harus sentiasa memantau tingkah laku anak dan memberikan peluang kepada anak untuk meluahkan perasaan. Fikirkan cara penyelesaian kepada konflik dan bertolak ansur untuk mencapai sesuatu jalan penyelesaian yang dapat diterima oleh semua.

Nama:

Kelas:

Tarikh:

4. Huraikan kepentingan menangani konflik identiti diri. **TP 4 KBAT** **Menganalisis**

- (a) Menjamin masa depan remaja yang merupakan aset
pembangunan negara



- (b) Mengelakkan diri daripada terlibat dalam masalah sosial



- (c) Disukai oleh orang lain



- (d) Memelihara imej dan maruah diri



- (e) Mengeratkan hubungan dengan orang lain





Praktis Ekstra

Unit 15

Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama

1. Berdasarkan foto yang diberi, jelaskan sebab golongan tersebut perlu dilindungi. TP 3



Golongan wanita

Golongan wanita sering ditindas dan
dijadikan mangsa seks



Golongan pengguna

Peniaga sentiasa menindas pengguna
dengan menaikkan harga barangan dan
perkhidmatan



Golongan orang kurang upaya

OKU sering tidak mendapat pembelaan
yang setimpal dari segi peluang
pekerjaan



Golongan pekerja

Golongan pekerja sentiasa ditindas
oleh majikan dari segi gaji dan cuti

2. Nyatakan akta, jabatan atau kementerian yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melindungi golongan di bawah daripada ditindas. **TP 3**

Wanita

- [Akta Perlindungan Wanita dan Gadis \(1973\)](#)
- [Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat](#)

Pengguna

- [Akta Kawalan Harga 1946](#)
- [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan](#)

Golongan orang kurang berupaya

- [Akta Orang Kurang Upaya 2008](#)
- [Jabatan Kebajikan Masyarakat](#)

Pekerja

- [Akta Kerja 1955](#)
- [Kementerian Sumber Manusia](#)

3. Apakah peranan anda sebagai rakyat Malaysia untuk melindungi hak asasi manusia? **KBAT Mengaplikasi**

(a) [Membuat laporan jika ternampak berlakunya penipuan oleh peniaga terhadap pengguna](#)

(b) [Menghormati hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja](#)

(c) [Membantu golongan yang memerlukan bantuan seperti OKU atau ibu tunggal yang miskin](#)

(d) [Membuat aduan sekiranya berlaku penderaan terhadap OKU](#)